

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 26 Ogos 2021**



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**BAGI STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN**  
**SUKU TAHUN KETIGA 2021**

---

**Keyakinan perniagaan merosot pada suku tahun ketiga 2021 kepada -21.3 peratus berbanding -3.1 peratus pada suku tahun lalu**

**PUTRAJAYA, 26 OGOS 2021 – STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN BAGI SUKU TAHUN KETIGA 2021** yang diterbitkan pada hari ini, memaparkan jangkaan prestasi perniagaan bagi suku tahun dan enam bulan yang akan datang. Statistik ini adalah berdasarkan Survei Kecenderungan Perniagaan yang dijalankan secara suku tahunan.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Peniaga lebih pesimis terhadap keadaan perniagaan mereka pada suku tahun ketiga 2021. Petunjuk keyakinan merosot kepada -21.3 peratus pada suku tahun rujukan berbanding -3.1 peratus pada suku tahun sebelumnya.”

“Dalam sektor yang diliputi, kesemua sektor menjangkakan keadaan perniagaan yang kurang menggalakkan untuk suku tahun ketiga 2021 berikutan pandemik COVID-19 yang semakin teruk dan berpanjangan di negara ini. Petunjuk keyakinan bagi sektor Perdagangan Borong & Runcit merosot ke trajektori negatif dengan

-39.4 peratus berbanding +5.6 peratus pada suku tahun kedua 2021 disebabkan oleh peniaga yang kurang berkeyakinan terhadap keadaan perniagaan mereka untuk tempoh tiga bulan akan datang bagi kedua-dua subsektor iaitu Perdagangan Borong dan Perdagangan Runcit. Sementara itu, sektor Industri dan Perkhidmatan menunjukkan lebih pesimis dengan petunjuk keyakinan masing-masing menyusut kepada -11.0 peratus dan -22.8 peratus pada suku tahun ketiga berbanding -1.5 peratus dan -6.1 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, sektor Pembinaan juga menjangkakan keadaan perniagaan mereka merosot pada suku tahun rujukan dengan -45.0 peratus berbanding -30.5 peratus yang dicatatkan pada suku tahun lalu,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Secara keseluruhan,imbangan bersih -12.9 peratus menunjukkan pertubuhan meramalkan pendapatan kasar mereka akan merosot, di mana 23.6 peratus pertubuhan menjangkakan hasil kasar meningkat untuk suku tahun ketiga sementara 36.5 peratus menunjukkan sebaliknya. Pada masa yang sama, 39.9 peratus pertubuhan meramalkan hasil kasar mereka kekal sama. Dari segi pekerjaan, majoriti pertubuhan (76.5%) meramal untuk mengekalkan pekerja mereka untuk suku tahun rujukan. Sebanyak 8.5 peratus pertubuhan menjangkakan pengambilan pekerja yang lebih ramai, manakala 15.0 peratus berhasrat untuk mengurangkan tenaga kerja seterusnya mendorong kepada imbangan bersih -6.5 peratus untuk suku tahun ketiga 2021.

Melihat kepada sentimen bagi enam bulan ke hadapan, peniaga pesimis terhadap prospek perniagaan mereka bagi tempoh Julai hingga Disember 2021 dengan imbangan bersih keseluruhan -21.7 peratus berbanding +11.0 peratus yang direkodkan bagi tempoh April hingga September 2021. Sama seperti jangkaan untuk tiga bulan mendatang, kesemua sektor menjangkakan prospek negatif dengan sektor yang merekodkan pesimis yang paling kecil adalah Industri. Sektor Industri menjangkakan keadaan perniagaan merosot dari +12.5 peratus kepada -11.8 peratus untuk separuh kedua tahun 2021. Pada masa yang sama, sektor Perkhidmatan dan Pembinaan menjangkakan keadaan perniagaan yang kurang memberangsangkan untuk enam bulan akan datang dengan imbangan bersih

masing-masing -14.2 peratus dan -24.2 peratus berbanding +8.4 peratus dan +6.1 peratus dicatatkan bagi tempoh April hingga September 2021. Sektor Perdagangan Borong & Runcit turut meramalkan prestasi perniagaan yang mencabar dalam tempoh enam bulan akan datang dengan imbangan bersih -59.7 peratus berbanding +12.5 peratus yang direkodkan sebelumnya.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**26 OGOS 2021**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, August 26<sup>th</sup> 2021**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
FOR BUSINESS TENDENCY STATISTICS  
THIRD QUARTER 2021**

---

**Business confidence weakens in the third quarter of 2021 at -21.3 per cent as against -3.1 per cent in the last quarter**

**PUTRAJAYA, AUGUST 26, 2021 – BUSINESS TENDENCY STATISTICS FOR THIRD QUARTER 2021** released today, presents expectations on business performance for the upcoming quarter and six months ahead. The statistics is based on the Business Tendency Survey which is conducted on a quarterly basis.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, “Businesses are more pessimistic towards their business condition in the third quarter of 2021. The confidence indicator further dipped to -21.3 per cent in the reference quarter as against -3.1 per cent in the preceding quarter.”

“Within the sectors covered, all sectors anticipate unfavourable business conditions for the third quarter 2021 in light of severe and prolonged COVID-19 pandemic in this country. The confidence indicator of the Wholesale & Retail Trade sector plunge to negative trajectory with -39.4 per cent as compared to +5.6 per cent in the second quarter of 2021 due to both subsectors namely Wholesale Trade and Retail Trade are less confident towards their business situation in the next three months. Meanwhile, the Industry and Services sectors indicate more pessimistic with

confidence indicator dropped to -11.0 per cent and -22.8 per cent respectively in the third quarter from -1.5 per cent and -6.1 per cent recorded in the previous quarter. Concurrently, Construction sector also anticipates their business situation to recede in this reference quarter with -45.0 per cent as against -30.5 per cent recorded in the past quarter," he said in a statement today.

In overall, a net balance of -12.9 per cent indicates that establishments foresee their gross revenue to decrease of which, 23.6 per cent of establishments expect higher gross revenue for the third quarter while 36.5 per cent demonstrate otherwise. Simultaneously, 39.9 per cent of establishments predict their gross revenue will remain the same. In terms of employment, majority of the establishments (76.5%) anticipate to retain their employees for the reference quarter. About 8.5 per cent of respondents expect to hire more, whereas 15.0 per cent intend to reduce their headcount which induced to a net balance of -6.5 per cent for the third quarter of 2021.

Looking at the sentiment for six months ahead, businesses turn pessimism on their business outlook for the period of July to December 2021 with an overall net balance of -21.7 per cent compared to +11.0 per cent recorded for the period of April to September 2021. Similar to the three months outlook, all sectors anticipate negative prospects with the least pessimistic sector is Industry. The Industry sector expects business conditions to slip from +12.5 per cent to -11.8 per cent for the second half of 2021. Simultaneously, the Services and Construction sectors expect business situation to be less favourable for the next six months with a net balance of -14.2 per cent and -24.2 per cent as against +8.4 per cent and +6.1 per cent recorded for the period of April to September 2021 respectively. The Wholesale & Retail Trade sector also foresees a challenging business performance in the forthcoming six months with a net balance of -59.7 per cent from +12.5 per cent recorded previously.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

**OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
26 AUGUST 2021**